

بَابُ مَنْ أَذْرَكَ رُكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ الْغُرُوبِ

99- Bab Orang Yang Sempat Mendapat Satu Raka'at Sembahyang 'Ahsar Sebelum Terbenam Matahari.⁹⁸⁰

⁹⁸⁰ Dengan mengadakan bab ini Imam Bukhari bermaksud menyatakan beberapa perkara berikut: (1) Waktu 'Ashar berakhir sebaik sahaja matahari terbenam. Dengan terbenamnya matahari juga bermulalah waktu Maghrib. Waktu Subuh pula berakhir dengan terbitnya matahari. (2) Hukum orang yang hanya sempat mengerjakan satu raka'at sahaja dalam waktu sesuatu sembahyang. Raka'at-raka'at yang lain dikerjakannya di luar waktu atau selepas masuk waktu sembahyang yang lain. (3) Maksud perkataan سجدة (satu sujud) yang tersebut di dalam hadits di bawah bab ini. (4) Erti sempat mendapat satu raka'at sembahyang 'Ahsar sebelum terbenam matahari dan sempat mendapat satu raka'at sembahyang Subuh sebelum terbit matahari. **Perkara (1). Hadits di bawah bab ini** merupakan salah satu dalil yang dipegang umat tentang waktu 'Ashar berakhir apabila matahari terbenam. Dengan terbenamnya matahari juga bermulalah waktu Maghrib. **Perkara (1)** ini termasuk dalam salah satu keputusan yang diijma'kan oleh para 'ulama'. Ibnu 'Abdil Barr, Ibnu Qudaamah dan sekumpulan 'ulama' lain adalah antara tokoh 'ulama' yang telah menukilkannya sebagai ijma'. Bagaimanapun akhir waktu Subuh tidak termasuk dalam perkara yang diijma'kan. Walaupun terdapat khilaf tentangnya, namun pendapat yang mengatakan ia berakhir dengan terbitnya matahari adalah yang paling kuat kerana ia mempunyai dalil yang kukuh. Antara dalilnya ialah hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini. **Perkara (2)** menyabitkan orang berkenaan sebagai orang yang telah mengerjakan sembahyangnya secara tunai. Dia tidak boleh menghentikan sembahyang setelah memulakannya, biarpun raka'at-raka'at yang baki lagi itu dikerjakannya dalam waktu sembahyang yang lain atau di luar waktu sembahyang yang sedang dikerjakannya. Tidak ada perbezaan dalam hal ini, sama ada sembahyang yang dikerjakan itu sembahyang yang ada sembahyang sunat ba'diyyahnya atau tiada seperti sembahyang Subuh dan 'Ashar. Orang-orang yang tidak sempat mendapat satu raka'at dalam waktu sesuatu sembahyang juga seharusnya meneruskan sembahyangnya, meskipun sembahyangnya itu tidak dikira sebagai tunai lagi. Ia juga tidak boleh menghentikan sembahyang setelah memulakannya. **Perkara (3)** ialah Kenapakah di dalam tajuk bab di atas Imam Bukhari menyebutkan "Orang Yang Sempat Mendapat Satu Raka'at", padahal di dalam hadits Nabi s.a.w. tersebut "sempat mendapat satu sujud" bukan satu raka'at? Kata Hafiz Ibnu Hajar: "Dengan tindakannya itu Imam Bukhari semacam hendak mentafsirkan perkataan سجدة (satu sujud sebagai mashdar marra) yang tersebut di dalam hadits Nabi s.a.w., bahawa ia tidak seharusnya dipakai dengan erti satu sujud. Tetapi seharusnya dipakai dengan erti رُكْعَةً (satu ruku' juga sebagai mashdar marra). Ini kerana al-Isma'ili telah meriwayatkannya melalui saluran riwayat Husain bin Muhammad daripada Syaibaan dengan lafaz من أدرك رُكْعَةً (sesiapa sempat mendapat satu ruku'). Riwayat ini menunjukkan perbezaan lafaz hadits di bawah bab ini berpunca daripada tasharruf (pindaan) perawi (yang telah meriwayatkannya berdasarkan ma'nanya). Riwayat Malik di bawah bab-bab waktu Subuh nanti juga jelas menyebutkan dengan lafaz من أدرك رُكْعَةً. Di sana tidak terdapat sebarang khilaf di antara perawi-perawinya tentang lafaz ini. Maka riwayat itulah semestinya dijadikan pegangan." Ringkasnya bagi Hafiz Ibnu Hajar, tajuk bab yang diadakan oleh Bukhari ini merupakan ترجمة شارحة (tajuk bab yang diadakan dengan tujuan menjelaskan mana-mana perkataan atau frasa yang tersebut di dalam hadits di bawahnya). **Perkara (4)** menarik perhatian para pengkaji tentang apakah erti mendapat satu raka'at (seperti tersebut di dalam tajuk bab yang diadakan oleh Bukhari dan satu sujud seperti tersebut di dalam

hadits di bawahnya) (daripada) sembahyang 'Ahsar sebelum terbenam matahari dan sempat mendapat satu raka'at daripada sembahyang Subuh sebelum terbit matahari? Siapakah pula orang yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam haditsnya itu? Berhubung dengan perkara ini terdapat beberapa pendapat 'ulama'. (i) Orang yang hanya sempat mendapat satu sujud daripada sesuatu sembahyang fardhu yang dikerjakannya di dalam waktunya sahaja, sempat mendapat sembahyangnya sebagai tunai. Meskipun bahagian-bahagian sembahyang selepas sujud itu dikerjakannya di luar waktu, seperti sembahyang Subuh atau dalam waktu sembahyang fardhu berikutnya, seperti sembahyang 'Ashar dan lain-lain. Adapun kalau ia hanya sempat mendapat ruku' atau qiam (berdiri) sahaja di dalam waktu, maka ia tidak dikira sebagai mendapat sembahyang tunai. Antara alasan mereka ialah hadits di bawah bab ini, di mana Nabi s.a.w. bersabda: "Jika seseorang daripada kamu sempat mendapat satu sujud daripada sembahyang 'Ashar sebelum terbenam matahari, dia hendaklah menyempurnakan sembahyangnya. Dan jika dia sempat mendapat satu sujud daripada sembahyang Subuh sebelum terbit matahari, dia hendaklah menyempurnakan sembahyangnya itu." Salah seorang tokoh yang berpegang begini ialah al-Khatthaabi. Kata beliau: *المراد بالسجدة الركعة بركوعها وسجودها والركعة إنما يكون تمامها بسجودها فسميت على هذا المعنى سجدة* Bermaksud: "Yang dimaksudkan dengan satu sujud ialah satu raka'at dengan ruku' dan sujudnya. Satu raka'at hanya sempurna dengan sujudnya. Kerana itulah ia dinamakan (disebut Nabi s.a.w. sebagai) satu sujud." Golongan ini berpendapat raka'at-raka'at selepas raka'at yang pertama secara umumnya tidak lebih daripada pengulangan raka'at yang pertama saja. Kerana itu apabila raka'at pertama telah pun dikerjakan sebagai tunai di dalam waktunya, raka'at-raka'at yang seterusnya juga dikira sebagai tunai. (ii) Sesiapa yang sempat mendapat satu ruku' sahaja daripada sesuatu sembahyang di dalam waktunya, bererti sembahyang itu telah dikerjakannya secara tunai dan sesiapa yang tidak sempat mendapat satu ruku' sekurang-kurangnya di dalam waktu sesuatu sembahyang, ia tidak lagi dikira mengerjakan sembahyang itu secara tunai. Bagaimanapun sembahyang berkenaan dianjurkan oleh Nabi s.a.w. supaya disempurnakan juga. Inilah pendapat jumhur 'ulama'. Imam Bukhari, Malik, Syafi'e, Ahmad (dalam salah satu pendapatnya) dan lain-lain adalah antara tokoh yang berpendapat demikian. Antara alasan mereka ialah hadits riwayat Malik dan lain-lain, juga daripada Abi Hurairah dengan lafaz: *أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصُّبْحِ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الصُّبْحَ وَمَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الْعَصَرَ* Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at sembahyang Subuh sebelum terbit matahari, bererti dia telah mendapat sembahyang subuh itu (dengan tunai bukan qadha'). Dan sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at 'Ashar sebelum terbenam matahari, bererti dia telah mendapat sembahyang 'Ashar itu (dengan tunai bukan qadha')." Oleh kerana kedudukan hadits ini lebih kuat berbanding hadits di atas, lantaran tidak ada perbezaan di antara perawi-perawinya tentang lafaznya, maka ia hendaklah diutamakan. Kerana itulah Imam Bukhari tetap membuat tajuk dengan menggunakan lafaz hadits ini: *من أدرك ركعة*, walaupun lafaz hadits yang dikemukakan oleh beliau di bawahnya adalah: *من أدرك سجدة*. (iii) Sesiapa yang sempat mendapat satu sujud, satu ruku' atau mana-mana bahagian sembahyang sebelum ruku' seperti qiam, hatta takbiratul Ihraam sekalipun dalam waktu sesuatu sembahyang fardhu, bererti ia telah mendapat sembahyang yang dikerjakannya itu sebagai tunai bukan qadha'. Inilah mazhab Abu Hanifah. Ini juga merupakan salah satu pendapat Syafi'e dan Ahmad. Menurut Syeikh Zakariya, tajuk bab yang diadakan oleh Bukhari ini bertujuan mengisyratkan kepada khilaf 'ulama' tentang perkara ini. Beliau juga berpendapat, dengan mengemukakan hadits (523) di bawah bab ini Imam Bukhari juga mahu mengisyratkan kepada riwayat-riwayat yang menyebutkan lafaz *سجدة*, *ركعة*, *ركعتين* dan lain-lain itu sebenarnya bukanlah bersifat ihtiraazi. (iv) Pada pendapat Imam at-Thahaawi dan sekumpulan 'ulama' yang lain, hadits ini disabdakan oleh Baginda s.a.w. berkenaan dengan orang-orang 'uzur (seperti orang yang pengsan, kedatangan haidh atau nifas atau baru memeluk agama Islam dan sebagainya) atau kanak-kanak baru baligh yang sempat mendapat kadar satu raka'at (satu ruku' atau satu sujud) dari mana-mana waktu sembahyang. Dalam keadaan ini wajiblah atasnya

٥٢٣- حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ قَالَ حَدَّثَنَا شَيْبَانُ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا أَدْرَكَ أَحَدُكُمْ سَجْدَةً مِنْ صَلَاةِ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغْرُبَ الشَّمْسُ فَلْيَتِمَّ صَلَاتَهُ وَإِذَا أَدْرَكَ سَجْدَةً مِنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَلْيَتِمَّ صَلَاتَهُ

523- Abu Nu`aim meriwayatkan kepada kami, katanya: Syaiban (bin `Abdir Rahman at-Taimi) meriwayatkan kepada kami daripada Yahya bin Abi Katsir daripada Abi Salamah (bin `Abdir Rahman bin `Auf) daripada Abi Hurairah, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Jika seseorang daripada kamu sempat mendapat satu sujud⁹⁸¹ daripada sembahyang `Ashar sebelum terbenam matahari, dia hendaklah menyempurnakan sembahyangnya.⁹⁸² Dan jika dia sempat mendapat satu sujud daripada sembahyang Subuh sebelum terbit matahari, dia hendaklah menyempurnakan sembahyangnya itu.”⁹⁸³

sembahyang itu. Orang-orang seperti itu walaupun tidak sempat mengerjakan sembahyang tertentu di dalam waktunya, ia tetap wajib mengqadha`kannya pada waktu yang lain.

⁹⁸¹ Riwayat yang lebih kukuh daripada riwayat ini menyebutkan ركعة (satu ruku') di sini, bukan سجدة (satu sujud). Kerana itulah Imam Bukhari membuat tajuk bab dengan menggunakan perkataan ركعة, padahal hadits ini jelas menyebutkan perkataan سجدة. Sebenarnya terdapat beberapa riwayat yang berbeza daripada Abu Hurairah dalam menyebutkan lafaz tertentu di sini. Riwayat 523 di atas umpamanya menyebutkan lafaz سجدة. Di dalam satu riwayat Imam Ahmad tersebut ركعتين. Lafaz hadits beliau selengkapnya ialah: حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ جَعْفَرٍ وَأَبُو النَّضْرِ قَالَا حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ سَهْلٍ عَنْ يَحْيَى بْنِ أَبِي كَثِيرٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ مَنْ أَدْرَكَ رُكْعَةً مِنْ صَلَاةِ الصُّبْحِ قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ فَقَدْ أَدْرَكَ الصَّلَاةَ وَمَنْ أَدْرَكَ رُكْعَتَيْنِ مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ أَنْ تَغِيبَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَدْرَكَ الصَّلَاةَ Bermaksud: “Sesiapa yang sempat mendapat satu raka`at sembahyang Subuh sebelum terbit matahari, bererti dia telah mendapat sembahyang subuh itu (dengan tunai bukan qadha'). Dan sesiapa yang sempat mendapat dua raka`at `Ashar sebelum terbenam matahari, bererti dia telah mendapat sembahyang `Ashar itu (dengan tunai bukan qadha').” (Hadits riwayat Ahmad). Dengan lafaz yang sama hadits ini diriwayatkan juga oleh Nasaa'i, Ibnu Hibbaan, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Abi `Aashim di dalam Juzu'nya dan lain-lain. Hadits ini walaupun sahih, ia dianggap syaz oleh kebanyakan `ulama' hadits, kerana bercanggahnya dengan riwayat Malik dan lain-lain tokoh hadits yang meriwayatkannya dengan lafaz ركعة bukan ركعتين. Itulah juga antara sebabnya kenapa Imam Bukhari menyebutkan lafaz ركعة di dalam tajuk babnya. Sesetengah `ulama' cuba menjama' ketiga-tiga hadits itu dengan mengatakan Rasulullah s.a.w. sebenarnya mahu menyatakan, sesiapa yang sempat mendapat mana-mana bahagian sembahyang, tidak kira sama ada satu ruku', satu sujud atau dua raka`at sembahyang di dalam waktunya, bererti ia telah mendapat sembahyang itu sebagai tunai. Itulah maksud kata Syeikh Zakariya: “Riwayat-riwayat yang menyebutkan lafaz سجدة, ركعة dan ركعتين itu sebenarnya bukanlah bersifat ihtiraazi”.

⁹⁸² Dengan mengerjakan bahagian-bahagian sembahyang yang belum dikerjakannya di dalam raka`at pertama dan menambahkan tiga raka`at lagi dalam waktu Maghrib. Namun demikian, sembahyang yang dikerjakannya itu tetap dikira tunai semua sekali. Boleh jadi juga maksud Nabi s.a.w. dengan katanya: “dia hendaklah menyempurnakan sembahyangnya” itu ialah dia hendaklah terus bersembahyang hingga ke akhir, jangan berhenti di tengah jalan. Meskipun raka`at-raka`at lain dikerjakannya di luar waktu atau di dalam waktu sembahyang yang lain. Dalam keadaan

tidak sempat mendapat satu raka'at sekalipun di dalam waktu sesuatu sembahyang, ia dikehendaki meneruskan sembahyang hingga ke akhir. Ia tidak dibenarkan berhenti di tengah jalan, walaupun sembahyang itu tidak dikira tunai lagi.

⁹⁸³ Selepas mengemukakan hadits di atas Imam Nawawi di dalam Syarah Muslimnya menulis: هذا دليل صريح في أن من صلى ركعة من الصبح أو العصر ثم خرج الوقت قبل سلامه لا تبطل صلاته بل يتمها وهي صحيحة وهذا مجمع عليه في العصر وأما في الصبح فقال به مالك والشافعي وأحمد والعلماء كافة إلا أبا حنيفة رضي الله عنه فإنه قال تبطل صلاة الصبح بطلوع الشمس فيها لأنه دخل وقت النهي عن الصلاة بخلاف غروب الشمس والحديث حجة عليه Bermaksud: "Hadits ini merupakan dalil yang terang tentang orang yang sempat mengerjakan satu raka'at sembahyang Subuh atau 'Ashar, kemudian keluar (habis) waktunya sebelum ia memberi salam, sembahyangnya tidak terbatal. Dia hendaklah mengerjakan semua sekali sembahyangnya itu. Ini adalah perkara yang diijma'kan berhubung dengan sembahyang 'Ashar. Adapun sembahyang Subuh, ia sah juga menurut Malik, Syafi'e, Ahmad dan sekalian 'ulama' yang lain selain Abu Hanifah. Kerana beliau (Abu Hanifah) berpendapat sembahyang Subuh yang dikerjakan seseorang ketika matahari sedang naik terbatal. Alasannya ialah kerana pada ketika itu ia masuk pada waktu yang dilarang bersembahyang. Berbeza dengan bersembahyang pada waktu matahari sedang terbenam. Hadits ini merupakan satu hujjah yang menyanggah pendapatnya itu." Keterangan Ibnu Batthaal tentang alasan berupa hadits dan qias yang dipakai Imam Abu Hanifah dalam menganggap sembahyang Subuh yang dikerjakan seseorang ketika matahari sedang naik sahaja terbatal, tidak sembahyang 'Ashar yang dikerjakan pada waktu matahari sedang terbenam lebih jelas daripada yang dikemukakan oleh an-Nawawi tadi. Kata Ibnu Batthaal: وخالف بعض هذا الحديث أبو حنيفة فقال إن أدرك ركعة من العصر قبل مغيب الشمس أنه يتمها بعد مغيب الشمس ولا يصلى غير عصر يومه في ذلك الوقت ولا يجوز أن يقضى فيه صلاة فائتة غيرها وإذا أدرك ركعة من الصبح قبل طلوع الشمس بطلت صلاته واسقطها بعد ارتفاع الشمس وأصحاب الضرورات عنده إذا لم يدركوا إلا ذلك الوقت لم يلزمهم شيء واحتج بأن العصر يقع آخرها في وقت يصلح للإنسان أن يبتدئ الصلاة فيه وليس هكذا طلوع الشمس لأنه ليس وقتاً للصلاة وقالوا ألا ترى أن النبي (صلى الله عليه وسلم) قد أخر الصلاة حين نومه عن الصبح من أجل انتباهه عند طلوع الشمس ولم يصلها حتى ارتفعت Bermaksud: "Abu Hanifah telah menyalahi sebahagian hadits ini. Kata beliau: Orang yang sempat mendapat satu raka'at sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam boleh menyempurnakan (meneruskannya) selepas ia terbenam. Ia tidak boleh bersembahyang pada waktu itu kecuali sembahyang 'Ashar hari berkenaan. Ia tidak boleh mengqadha' pada waktu itu mana-mana sembahyang yang telah terlepas daripadanya. Tetapi jika seseorang hanya sempat mendapat satu raka'at sembahyang Subuh sahaja dalam waktunya, sembahyang Subuhnya itu terbatal. Dia hendaklah bersembahyang semula selepas matahari telah betul-betul naik. Orang-orang dharurat (seperti kanak-kanak baru baligh, perempuan yang baru suci daripada haidh atau nifasnya, orang kafir yang baru memeluk agama Islam dan lain-lain) menurut beliau (Abu Hanifah), jika hanya sempat mendapat waktu Subuh sekadar itu, tidak wajib atas mereka Sembahyang Subuh hari berkenaan. Alasan beliau ialah dalam kes ini bahagian akhir sembahyang 'Ashar yang dikerjakan itu berada pada waktu yang seseorang boleh memulakan sembahyang. Tidak begitu keadaannya dengan ketika matahari sedang naik. Kerana waktu itu bukan waktu untuk bersembahyang. Kata mereka (golongan Hanafiyyah): "Tidakkah engkau lihat Nabi s.a.w. melewati sembahyang Subuhnya setelah sadar dari tidur ketika matahari sedang naik? Baginda s.a.w. baru mengerjakan sembahyang Subuh hari itu setelah matahari betul-betul naik." Ibnu Batthaal seterusnya membantah pendapat mereka itu dengan katanya: "Ini berarti menolak hadits Abu Hurairah, di mana Nabi s.a.w. dilapor beliau telah bersabda: أدرك ركعة من صلاة العصر قبل غروب الشمس فليتم صلاته ومن أدرك ركعة من صلاة الصبح قبل أن تطلع الشمس فليتم صلاته Bermaksud: "Sesiapa sempat mendapat satu raka'at sembahyang 'Ashar sebelum terbenam matahari, dia hendaklah menyempurnakan sembahyangnya. Dan sesiapa sempat mendapat satu raka'at sembahyang Subuh sebelum terbit matahari, dia hendaklah menyempurnakan sembahyangnya itu." Menerusi hadits ini Nabi s.a.w. telah menyamakan hukum sembahyang 'Ashar dan Subuh daripada segi perlu disempurnakan kedua-duanya. 'Ashar selepas terbenam matahari dan Subuh selepas naiknya matahari. Bukankah ada ketikanya seseorang harus memulakan sembahyang fardhu pada waktu yang ia tidak harus melewati

sembahyangnya hingga ke waktu itu? Begitu juga (sepatutnya) harus bahagian akhir sembahyangnya berada dalam suatu waktu yang tidak harus ia memulakan bersembahyang padanya. Sekarang alasan mereka memakan diri mereka sendiri. Bukankah orang tadi telah memulakan sembahyang 'Asharnya pada waktu ia tidak harus dikerjakan? Sembahyang Subuh pula memang dikerjakannya dalam waktu. Kalau sembahyang 'Ashar boleh, sembahyang Subuh juga sepatutnya lebih-lebih lagi boleh! Adapun alasan mereka Rasulullah s.a.w. melewati sembahyang Subuh sehingga matahari betul-betul naik apabila Baginda s.a.w. tersedar dari tidurnya, itu bukanlah hujah yang boleh dipakai mereka. Kerana memang terbukti daripada beberapa hadits bahawa Nabi s.a.w. dan para sahabatnya baru sedar dari tidur pada hari itu setelah mereka merasai kepanasan sinar matahari. Bukankah pada ketika itu kita sudah dibenarkan bersembahyang??” Maulana Nawab Wahiduz Zaman Khan di dalam Taisirul Baari, Syarah Bukharinya dalam bahasa Urdu ketika mengulas hadits ini menulis:

اس پر تمام ائمہ اور علماء کا اجماع ہے۔ مگر خفیوں نے۔ وہ کہتے ہیں کہ عصر کی نماز تو صحیح ہو جائے گی لیکن فجر کی صحیح نہ ہوگی۔ ان کا قیاس حدیث کے برخلاف ہے اور خود ان ہی کے امام کی آدھی حدیث کو لیا ہے اور آدھی حدیث کو چھوڑ دیا ہے۔ وہ کہتے ہیں کہ عصر کی نماز تو صحیح ہو جائے گی لیکن فجر کی صحیح نہ ہوگی۔ ان کا قیاس حدیث کے برخلاف ہے اور خود ان ہی کے امام کی آدھی حدیث کو لیا ہے اور آدھی حدیث کو چھوڑ دیا ہے۔

Bermaksud: “Semua imam dan 'ulama' bersepakat tentang perkara ini. Tetapi golongan Hanafi berpegang dengan separuh hadits ini sahaja. Sementara yang separuh lagi ditinggalkan. Kata mereka, sembahyang 'Ashar saja sah. Sembahyang Fajar (Subuh) tidak sah. Qias mereka (dalam perkara ini) bercanggah dengan hadits. Ia seharusnya ditinggalkan, sesuai dengan pesanan imam mereka sendiri.” Syekhul Hadits Maulana 'Ubaidullah al-Mubarakfuri di dalam Mir'aatu al-Mafaatih Syarah Misykaatu al-Mashaabihnya menulis: ويؤخذ من هذا الرد على الطحاوي حيث خص الإدراك باحتلام الصبي وطهر الحائض وإسلام الكافر ونحوها وأراد بذلك نصرة مذهبه في أن من أدرك من الصبح ركعة نفست صلاته لأنه لا يكملها إلا في وقت الكراهة - انتهى والحديث يدل على أن من أدرك ركعة من صلاة الصبح قبل طلوع الشمس فقد أدرك صلاة الصبح ولا تبطل بطلوعها كما أن من أدرك ركعة من صلاة العصر قبل غروب الشمس فقد أدرك صلاة العصر ولا تبطل بغروبها Bermaksud: “Dengan hadits ini tertolaklah pendapat Thahaawi yang mengkhususkannya dengan kanak-kanak yang baru baligh, perempuan berhaidh yang baru suci, orang kafir yang baru memeluk agama Islam dan lain-lain pada masa itu. Beliau berkata demikian untuk membela mazhabnya yang mengatakan, sembahyang orang yang sempat mendapat satu raka'at Subuh sahaja di dalam waktunya terbatal. Kerana ia menyempurnakannya dalam waktu terlarang. Sedangkan hadits ini menyatakan orang yang sempat mendapat satu raka'at Subuh sahaja sebelum matahari itu mendapat sembahyang Subuhnya dan ia tidak terbatal dengan naiknya matahari. Sebagaimana orang yang sempat mendapat satu raka'at 'Ashar sahaja sebelum terbenam matahari mendapat sembahyang 'Asharnya. Sembahyang 'Asharnya tidak terbatal dengan terbenam matahari. Itulah pendapat Malik, Syafi'e, Ahmad dan Ishaq. Dan pendapat mereka itulah yang benar (dalam perkara ini).” Sebenarnya selain hadits di atas terdapat banyak lagi hadits-hadits yang dengan jelas menunjukkan sembahyang orang yang sempat mendapat satu raka'at Subuh sahaja di dalam waktunya dan yang satu lagi di luar waktu itu tetap sah dan dikira sebagai sembahyang tunai. Antara lainnya ialah hadits-hadits berikut: (1) عن أبي هريرة عن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال من أدرك ركعة من العصر قبل أن تغرب الشمس فقد أدركها ومن أدرك ركعة من الفجر قبل أن تطلع الشمس فقد أدركها Bermaksud: Abu Hurairah meriwayatkan, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam, sesungguhnya ia telah mendapatnya. Dan sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at sembahyang Fajar (Subuh) sebelum matahari naik dan satu raka'at lagi selepas matahari naik, sesungguhnya ia telah mendapatnya.” (Hadits riwayat Ibnu Hibbaan, 'Abdur Razzaq, Abu 'Awaanah, Baihaqi, Ahmad, Nasaa'i, Ibnu Khuzaimah dan lain-lain). (2) أبو بكر بن أبي شيبة حدثني وكيع عن داود بن قيس الفراء عن محمد ابن إبراهيم التميمي قال سمعت أبا هريرة يقول قال رسول الله قال النبي صلى الله عليه وسلم من أدرك ركعة من العصر قبل أن تغرب الشمس وثلاثاً بعد أن تغرب الشمس فلم تفته ومن أدرك ركعة من الفجر قبل أن تطلع الشمس وركعة بعد أن تطلع الشمس فلم تفته Bermaksud: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam dan tiga raka'at lagi selepas terbenam matahari, tidaklah sembahyang 'Ashar itu terlepas daripadanya. Dan sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at sembahyang Fajar (Subuh) sebelum matahari naik dan

satu raka'at lagi selepas matahari naik, tidaklah sembahyang Subuh itu terlepas daripadanya.” (Hadits riwayat Ibnu Abi Syaibah, Ahmad, Abu Daud at-Thayaalisi dan lain-lain). (3) عن أبي هريرة أن النبي صلى الله عليه وآله وسلم قال من صلى سجدة من العصر قبل غروب الشمس ثم صلى ما بقي بعد غروب الشمس فلم تفته العصر ومن صلى سجدة من الصبح قبل طلوع الشمس ثم صلى ما بقي بعد طلوع الشمس فلم تفته الصبح Bermaksud: Sesungguhnya Nabi s.a.w. bersabda: “Sesiapa yang sempat mendapat satu sujud (raka'at) sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam, kemudian raka'at-raka'at selebihnya dikerjakannya selepas matahari terbenam, tidaklah sembahyang 'Ashar itu terlepas daripadanya. Dan sesiapa yang sempat mendapat satu sujud (raka'at) sembahyang Fajar (Subuh) sebelum matahari naik dan satu raka'at lagi dikerjakannya selepas matahari naik, tidaklah sembahyang Subuh itu terlepas daripadanya.” (Hadits riwayat Ibnu 'Abdil Barr di dalam at-Tamhid dengan sanadnya. Lihat juga al-Ahkaamu as-Syar'iyyah al-Kubra oleh Abu Muhammad 'Abdul Haq al-Isybili j: 2 ms: 6). (4) عن أبي هريرة عن النبي صلى الله عليه وسلم قال من أدرك ركعة قبل أن تطلع الشمس ثم طلعت الشمس فليصل إليها أخرى Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda: “Sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at (sembahyang Subuh) sebelum matahari naik, kemudian naiklah matahari, dia hendaklah menyempurnakan sembahyangnya dengan mengerjakan satu raka'at lagi.” (Hadits riwayat Ibnu Hibbaan, Ibnu Khuzaimah, Ahmad dan Haakim). Hadits-hadits inilah yang menjadi pegangan Imam Bukhari dan jumhur 'ulama'. Keempat-empatnya juga diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Sepatutnya semua hadits-hadits Abu Hurairah dalam bab ini diletakkan di hadapan dan dibuat kesimpulan setelah mengambil kira persamaan, perbezaan dan ma'na yang terkandung di dalam setiap satu daripadanya. **Ada beberapa perkara lagi** berkaitan dengan hadits ini yang perlu sekali diperjelaskan dan difahami dengan baik. (1) Walaupun mafhum hadits ini ialah “Sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at sembahyang Subuh sebelum matahari naik, bererti ia telah mendapat sembahyang itu sebagai tunai dan sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at sembahyang 'Ashar sebelum matahari terbenam, bererti ia telah mendapat sembahyang 'Ashar itu sebagai tunai.” Namun para 'ulama' bersepakat tentang tidak harus (haram) menta'khirkan sembahyang 'Ashar dan Subuh sampai ke sa'at itu dengan sengaja. Seseorang yang dengan sengaja melakukannya adalah berdosa. Hukum ini sebenarnya disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. untuk menyatakan dua perkara. **Pertama:** Limpah kurnia Allah, di mana seseorang yang hanya sempat mengerjakan satu raka'at sahaja di dalam waktu sesuatu sembahyang, sembahyangnya tetap dikira sebagai tunai. **Kedua:** Menghibur dan menenangkan hati: (i) Orang yang tidak sedar dari tidurnya atau pengsanannya kecuali di sa'at-sa'at akhir waktu sesuatu sembahyang. (ii) Orang yang terlupa akan sembahyang. Ia baru teringat pada waktu itu. (iii) Orang yang melakukannya tidak dengan sengaja. (iv) Orang masbuq yang hanya sempat bersembahyang bersama imamnya satu raka'at di dalam waktu sesuatu sembahyang. (2) Dalam keadaan seperti yang tersebut di dalam hadits di atas dan hadits-hadits yang sama dengannya, sembahyang seseorang itu akan dikira tunai kesemuanya mengikut kebanyakan 'ulama'. Itulah juga pendapat Imam Bukhari. Tetapi ada juga sesetengah 'ulama' berpendapat kesemuanya dikira sebagai qadha'. Bagi mereka hadits ini hanya hendak melarang orang yang sedang bersembahyang dalam keadaan itu menghentikan sembahyangnya di tengah jalan semata-mata. Ia tidak memberi erti sembahyang itu tunai. Sesetengah yang lain pula berpendapat, satu raka'at yang sempat dikerjakan dalam waktu itu dikira tunai dan satu raka'at atau beberapa raka'at lagi yang dikerjakan di luar waktu itu dikira qadha'. Dalam keadaan hanya sempat mengerjakan kurang daripada satu raka'at (satu ruku') pula, kebanyakan 'ulama' berpendapat kesemua sembahyangnya dikira qadha'. (3) Semua 'ulama' bersepakat mengatakan, untuk menyempurnakan sembahyang di luar dari waktunya atau selepas waktunya, tidaklah disyaratkan seseorang itu sempat mengerjakan sembahyang sekurang-kurangnya satu raka'at (satu ruku'). Jika ia hanya sempat mendapat takbiratu al-ihram sahaja sekalipun, tetap juga ia termasuk dalam perintah Nabi s.a.w. di atas. Kerananya ia tidak boleh berhenti bersembahyang, malah hendaklah meneruskan sembahyangnya itu sampai ke akhir. (4) Hukum yang tersebut di dalam hadits ini pada zahirnya khusus dengan sembahyang 'Ashar dan Subuh. Tetapi mengikut jumhur 'ulama', termasuk Imam Bukhari sendiri, ia tidak khusus dengan dua sembahyang itu

sahaja. Malah hukum sembahyang-semahyang yang lain juga begitu. Alasan mereka ialah adanya sekian banyak hadits yang tidak mengkhususkannya dengan sembahyang 'Ashar dan Subuh sahaja. Antara lainnya ialah hadits berikut: عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَدْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصَّلَاةِ فَقَدْ أَدْرَكَ الصَّلَاةَ Bermaksud: "Sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at sembahyang, bererti dia telah sempat mendapat sembahyang itu." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i, Tirmizi, Ibnu Majah dan lain-lain). Bagi mereka sebabnya Nabi s.a.w. menyebutkan secara khusus dua sembahyang tersebut ialah kerana Baginda s.a.w. memang ada melarang para sahabat (termasuk juga sekalian umatnya) daripada bersembahyang ketika matahari sedang terbenam dan sedang naik. Larangan itu mungkin mengelirukan sesetengah orang, sehingga ia membuat kesimpulan sendiri bahawa bersembahyang pada waktu itu secara mutlak terlarang dan tidak sah. Dengan mengemukakan hadits-hadits seperti ini Nabi s.a.w. sebenarnya hendak menghilangkan kekeliruan yang mungkin timbul itu. Kalau dua sembahyang itupun sah dan dikira tunai apabila dikerjakan sebahagiannya di dalam waktu dan sebahagian yang lain di luar waktunya, tentulah sembahyang-semahyang lain yang tidak ada langsung larangan khusus tentangnya lebih-lebih lagi sah dan akan dikira sebagai tunai. Hadits-hadits larangan bersembahyang pada waktu matahari sedang terbenam dan sedang naik antara lainnya adalah seperti berikut: (1) أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الصَّلَاةِ فِي سَاعَتَيْنِ بَعْدَ الْعَصْرِ حَتَّى تَغْرُبَ الشَّمْسُ وَبَعْدَ الصُّبْحِ حَتَّى تَطْلُعَ Bermaksud: "Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah melarang daripada bersembahyang pada dua waktu. (Pertamanya ialah) Selepas 'Ashar sehingga matahari terbenam dan (keduanya ialah) selepas Subuh sehingga matahari naik." (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Khuzaimah, Abu 'Awaanah, at-Thabaraani, 'Abdur Razzaq dan lain-lain). (2) قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَحْرُزُوا بِصَلَاتِكُمْ طُلُوعَ الشَّمْسِ وَلَا غُرُوبَهَا فَإِنَّهَا تَطْلُعُ بَيْنَ قَرْنَيْ شَيْطَانٍ فَإِذَا طَلَعَ حَاجِبُ الشَّمْسِ فَلَا تُصَلُّوا حَتَّى تَبْرُزَ وَإِذَا غَابَ حَاجِبُ الشَّمْسِ فَلَا تُصَلُّوا حَتَّى تَغِيبَ Bermaksud: Janganlah kamu menunggu naik dan jatuh matahari untuk mengerjakan sembahyang. Kerana matahari naik di antara dua tanduk syaitan. Apabila naik kening matahari, janganlah bersembahyang sehingga ia naik sepenuhnya. Dan apabila kening matahari menghilang, janganlah bersembahyang sehingga ia benar-benar telah terbenam. (Hadits riwayat Ahmad, Abu 'Awaanah, an-Nasaa'i, Baihaqi dan lain-lain). Bukhari dan Muslim juga ada meriwayatkan hadits yang sama dengan hadits ini. (3) عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تُصَلُّوا حِينَ تَطْلُعُ الشَّمْسُ (4) فَإِنَّهَا تَطْلُعُ بَيْنَ قَرْنَيْ شَيْطَانٍ وَلَا حِينَ تَغِيبُ فَإِنَّهَا تَغِيبُ بَيْنَ قَرْنَيْ شَيْطَانٍ Bermaksud: Nabi s.a.w. bersabda: Jangan kamu bersembahyang ketika matahari sedang naik. Kerana ia naik di antara dua tanduk syaitan. Jangan juga (bersembahyang) ketika ia (matahari) sedang menghilang (jatuh). Kerana ia menghilang di antara dua tanduk syaitan. (Hadits riwayat Ibnu Khuzaimah, Ahmad, at-Thahaawi, ad-Dhiyaa' al-Maqdisi dan lain-lain). (4) 'Abdullah bin 'Umar r.a. meriwayatkan, katanya: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْهَى عَنِ الصَّلَاةِ عِنْدَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَعِنْدَ غُرُوبِهَا Bermaksud: Aku telah mendengar Rasulullah s.a.w. melarang daripada bersembahyang ketika matahari sedang naik dan ketika matahari sedang jatuh. (Hadits riwayat Bukhari, Nasaa'i, Ibnu Hibbaan, Abu 'Awaanah, at-Thahaawi di dalam Syarah Ma'ani al-Aatsaar dan lain-lain). **Antara pengajaran, panduan dan pedoman yang dapat diambil daripada hadits ini ialah:** (1) Sembahyang dan selok-belok hukumnya telah pun digariskan oleh Rasulullah s.a.w. sendiri dengan cukup terang. Demikian juga dengan ibadat-ibadat yang lain. (2) Antara yang pernah disebut oleh Rasulullah s.a.w. tentang sembahyang ialah sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at 'Ashar sebelum terbenam matahari, dia hendaklah menyempurnakan sembahyangnya itu. Dan sesiapa yang sempat mendapat satu raka'at sembahyang Subuh sebelum terbit matahari, dia juga hendaklah menyempurnakan sembahyangnya. (3) Sembahyang orang yang sempat mendapat hanya satu ruku' dalam waktu sesuatu sembahyang, sedangkan yang lain-lain dikerjakannya sama ada di luar waktu atau di dalam waktu sembahyang berikutnya, dikira tunai bukan qadha' menurut Imam Bukhari dan jumhur 'ulama'. (3) Orang yang sedang bersembahyang tidak boleh berhenti sewenang-wenang daripada meneruskan sembahyangnya tanpa ada sebab-sebab yang membatalkannya. Terbenam atau naiknya matahari ketika ia sedang bersembahyang bukanlah sesuatu yang membatalkan sembahyang. Oleh itu ia tidak boleh berhenti bersembahyang

walaupun baru bertakbiratu al-ihraam. Tindakan yang sepatutnya diambil oleh orang seperti ini ialah meneruskan dan menyempurnakan sembahyangnya sampai habis. (4) Walaupun sengaja bersembahyang pada waktu matahari hampir terbenam dan naik merupakan suatu kesalahan yang mendatangkan dosa, tetapi jika seseorang dengan tidak disengajakan (seperti terlupa atau baru sedar dari tidurnya pada ketika itu) bersembahyang pada waktu itu, tidaklah dia berdosa. Malah sembahyangnya dikira Allah sebagai tunai dengan limpah kurniaNya. (5) Untuk mendapat kepastian tentang ma'na sesuatu hadits, mestilah diperiksa segala thuruq dan salurannya. (6) Mana-mana pendapat yang terang-terang bercanggah dengan sesuatu hadits yang sahih, haruslah diketepikan. Tidak kira ia dikemukakan oleh siapapun. Sikap seperti ini juga termasuk dalam tuntutan percaya kepada rasul Allah (إيمان بالرسول). (7) Orang yang mendapat sembahyang 'Ashar atau Subuh sebagai tunai kerana sempat mendapat satu raka'at atau satu ruku' dalam waktu, seperti tersebut di dalam hadits di atas, bagaimanapun tetap tidak akan mendapat kelebihan dan fadhilat orang yang bersembahyang mengikut sunnah Nabi s.a.w. **Selain di sini Imam Bukhari** mengulang sebut hadits ini pada dua tempat yang lain. **Pertama** di bawah: **باب مَنْ أَذْرَكَ مِنَ الْفَجْرِ رَكْعَةً**. Lafaznya ialah: حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ وَعَنْ بُسْرِ بْنِ سَعِيدٍ وَعَنْ الْأَعْرَجِ بِحَدَّثُونَهُ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَذْرَكَ مِنَ الصُّبْحِ رَكْعَةً قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ فَقَدْ أَذْرَكَ الصُّبْحَ وَمَنْ أَذْرَكَ رَكْعَةً مِنَ بَابِ مَنْ أَذْرَكَ مَنْ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُونُسَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَذْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الصَّلَاةِ فَقَدْ أَذْرَكَ الصَّلَاةَ. **Keduanya** ialah di bawah bab berikutnya iaitu: **باب مَنْ أَذْرَكَ مِنَ الصَّلَاةِ**. Berikut adalah lafaznya: **Hadits 523 di atas ternyata cukup** sesuai dan sepadan dengan tajuk الغروب قبل العصر (Bab Orang Yang Sempat Mendapat Satu Raka'at (Daripada) Sembahyang 'Ashar Sebelum Terbenam Matahari), tetapi hadits 524 dan 525 berikutnya yang dikemukakan oleh Bukhari telah menimbulkan kemusykilan kepada kebanyakan para pensyarah Sahih Bukhari. Akibatnya mereka berbeda pendapat dalam mencari kesesuaian di antaranya dengan tajuk bab itu. Sekali pandang tidak ada kesesuaian langsung di antara dua hadits berkenaan dengan tajuk bab ini. Kalau ada pun, terlalu sukar untuk dikaitkan dengannya. Berikut dikemukakan beberapa komentar para pensyarah Sahih Bukhari: (1) As-Sindi berkata: "Sudut kesesuaian hadits ini dengan tajuk bab mungkin berdasarkan mafhumnya, di mana ia menunjukkan umat Muhammad yang melakukan amalan-amalan kebajikan hingga terbenam matahari itu akan mendapat pahala sepenuhnya. Maka wajar sekali orang yang hanya sempat mengerjakan sebahagian daripada sembahyang pada waktu ini diberi juga pahala sepenuhnya, lantaran ia telah mendapat sembahyang sepenuhnya (secara tunai seperti disabdakan oleh Rasulullah s.a.w. فَلْيَتِمَّ صَلَاتُهُ فَقَدْ أَذْرَكَ dan sebagainya)." (2) Kata Kirmaani: "Kesesuaiannya terletak pada sabda Nabi s.a.w. 'sebelum terbenam matahari' secara mutlaq, sama ada hampir terbenam atau jauh lagi daripada terbenam. Mungkin juga kesesuaiannya dilihat daripada segi umat Muhammad meskipun amalan mereka sedikit berbanding umat-umat yang lalu, namun pahala yang diperolehi mereka sama, malah lebih lagi daripada pahala yang diperolehi umat-umat yang lalu. Nabi s.a.w. seolah-olahnya mahu mengingatkan bahawa mendapat sebahagian sembahyang dalam waktu, sama seperti mendapat sepenuhnya daripada segi tunainya, selagi seseorang itu sempat mendapat satu ruku' dalam waktu sesuatu sembahyang. (3) Hafiz Ibnu Hajar di dalam Fathul Baari menukulkan pendapat al-Muhallab dalam usahanya menyelesaikan kemusykilan ini, lalu menyokongnya. Kata beliau, menurut al-Muhallab hadits Ibnu 'Umar (hadits 524) dan hadits Abi Musa r.a. (525) dikemukakan oleh Bukhari di bawah tajuk bab ini untuk menunjukkan adakalanya seseorang itu berhak mendapat pahala penuh meskipun amalan yang telah dibuatnya hanyalah sebahagian sahaja. Keadaan orang (umat) yang diberi ganjaran kerana berkerja dari waktu sembahyang 'Ashar hingga terbenam matahari sama seperti ganjaran yang diberikan kepada orang yang berkerja sepanjang hari itu samalah keadaannya dengan orang yang diberi ganjaran sembahyang tunai sepenuhnya dalam waktu, padahal ia hanya sempat mendapat satu raka'at sembahyang sahaja dalam waktu. Dengan keterangan al-Muhallab ini nyatalah kesesuaian di antara tajuk bab dengan dua hadits di bawahnya. Hafiz Ibnu Hajar menyokong penuh keterangan al-Muhallab itu dan sangat berpuas hati dengannya. Beliau malah

٥٢٤ - حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَوْسِيُّ قَالَ حَدَّثَنِي إِبْرَاهِيمُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ أَبِيهِ

أَنَّهُ أَخْبَرَهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ إِنَّمَا بَقَاؤُكُمْ فِيمَا سَلَفَ قَبْلَكُمْ مِنَ الْأُمَمِ كَمَا بَيْنَ صَلَاةِ الْعَصْرِ إِلَى

melengkapkannya dengan berkata: “Limpah kurnia Allah yang mengira amalan pada satu per empat daripada waktu siang sahaja seperti amalan sepanjang siang, menghendaki sempat mendapat satu raka’at sahaja sembahyang ruba’iyyah (empat raka’at), dikira seperti mendapat keempat-empat raka’atnya dalam waktu. Daripada segi kedua-duanya merupakan satu per empat amalan atau kerja itulah terdapat kesamaan di antara tajuk bab dengan hadits 524 dan 525 di bawahnya. Soal kenapakah kesemua sembahyang dikira tunai, padahal kebanyakannya telah dikerjakan di luar waktu? Jawapan yang wajar diberi untuk soalan ini ialah jawapan yang telah diberi Allah kepada Ahli al-Kitab, bahawa: “Itulah limpah kurniaKu. Aku berikannya kepada sesiapa saja yang aku kehendaki.” (4) Ibnu al-Munaiyyir pula berpendapat, apa yang dapat disimpulkan daripada dua hadits ini ialah kerja yang dikehendaki itu berterusan sehingga matahari terbenam. Amalan (agama) yang paling hampir dengan waktu terbenam matahari itu ialah sembahyang `Ashar. Bagaimanapun ini semua termasuk dalam bab isyarat. Ia bukan merupakan ibarat yang terang. Kerana hadits-hadits ini hanyalah tamsilan dan sembahyang `Ashar itu pula bukan satu-satunya amalan yang dikehendaki pada waktu itu. Amalan-amalan keta’atan yang lain juga tentu sekali tidak terkecuali. Itulah sebabnya Imamul Haramain berkata: إن الأحكام لا تؤخذ من الأحاديث التي تأتي لضرب الأمثال Bermaksud: “Sesungguhnya hukum-hukum agama tidak harus diambil daripada hadits-hadits tamsilan.” Hafiz Ibnu Hajar telah membuat komentar terhadap pendapat yang dikemukakan oleh Ibnu al-Munaiyyir itu dengan katanya: “Pendapat yang dikemukakan oleh beliau itu lebih sesuai dikaitkan dengan bab waktu `Ashar, ia tidak begitu sesuai dengan باب مَنْ أَذْرَكَ رَكْعَةً مِنَ الْعَصْرِ قَبْلَ الْغُرُوبِ (Bab Orang Yang Sempat Mendapat Satu Raka’at (Daripada) Sembahyang `Ahsar Sebelum Terbenam Matahari) yang sedang kita bicarakan ini. Berbeza dengan pendapat Muhallab yang telah saya lengkapkan (sokong) tadi.” (5) Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi di dalam Laami’u ad-Daraari berkata: “Kesesuaian riwayat kedua dengan tajuk bab terletak pada janji mengupah orang berkerja itu meliputi seluruh waktu hingga ke waktu terbenam matahari. Pekerja yang sempat melakukan kerja sebelum terbenam matahari, sekira-kira namanya tersenarai sebagai salah seorang pekerja, akan dikira termasuk dalam kalangan mereka. Sebabnya ialah menurut adat kebiasaan pengupah, terutamanya yang pemurah, ia akan melihat para pekerja pada waktu kerja hampir selesai. Orang yang didapati ada di tempat kerja akan dikira sebagai orang yang berhak mendapat upah (sebagaimana dijanjikan). Walaupun ia datang berkerja lama selepas orang-orang lain.” Bagi Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi, begitulah juga dengan orang yang hanya sempat mendapat satu raka’at sahaja sebelum terbenam atau naik matahari. Oleh kerana namanya telah tersenarai sebagai orang yang mendapat sembahyang, maka berhaklah dia mendapat sepenuh ganjaran yang dijanjikan. (6) Setelah diteliti, dapatlah penulis katakan bahawa menurut pendapat kebanyakan pensyarah Sahih bukhari, kesesuaian dua hadits di bawah bab ini dengan babnya terletak pada hasil yang diperolehi kedua-dua golongan. Kalau umat Islam yang hanya berkerja bermula dari waktu `Ashar secara mutlaq - tidak kira sama ada di awal waktu atau di akhirnya - berhak mendapat upah kerja sepanjang hari, maka orang yang sempat bersembahyang satu raka’at sahaja daripada mana-mana sembahyang di dalam waktu juga dikira seperti orang yang sempat bersembahyang sepenuhnya di dalam waktu. Sembahyangnya tetap dikira sebagai tunai. Kerananya mereka juga mendapat pahala sembahyang tunai dengan limpah kurnia Allah s.w.t. Hujah untuk bab ini ialah hadits 523 di atas. Hadits 524 dan 525 dikemukakan oleh beliau tidak lebih sebagai contoh sokongan kepada hadits 523 sahaja.

غُرُوبِ الشَّمْسِ أَوْ يَ أَهْلُ التَّوْرَةِ فَعَمِلُوا حَتَّى إِذَا انْتَصَفَ النَّهَارُ عَجَزُوا فَأَغْلَقُوا قِيرَاطًا قِيرَاطًا ثُمَّ أَوْبَى أَهْلُ الْإِنْجِيلِ الْإِنْجِيلَ فَعَمِلُوا إِلَى صَلَاةِ الْعَصْرِ ثُمَّ عَجَزُوا فَأَغْلَقُوا قِيرَاطًا قِيرَاطًا ثُمَّ أَوَيْنَا الْقُرْآنَ فَعَمِلْنَا إِلَى غُرُوبِ الشَّمْسِ فَأَعْطَيْنَا قِيرَاطَيْنِ قِيرَاطَيْنِ فَقَالَ أَهْلُ الْكِتَابَيْنِ أَيُّ رَبَّنَا أَعْطَيْتَ هَؤُلَاءِ قِيرَاطَيْنِ قِيرَاطَيْنِ وَأَعْطَيْتَنَا قِيرَاطًا قِيرَاطًا وَنَحْنُ كُنَّا أَكْثَرُ عَمَلًا قَالَ قَالَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ هَلْ ظَلَمْتُمْكُمْ مِنْ أَمْرِكُمْ مِنْ شَيْءٍ قَالُوا لَا قَالَ فَهُوَ فَضْلِي أُوتِيَهُ مِنْ أَمْرٍ

984 Ma'na yang mungkin difahami daripada sabda Nabi s.a.w. ini hanya ada tiga. (1) Hidup kamu di zaman orang-orang sebelummu adalah seperti di antara (waktu) sembahyang 'Ashar hingga terbenam matahari. Al-Kirmaani berkata: Ma'na zahirnya tidak benar. Kerana kita umat Muhammad tidak pernah hidup di zaman umat-umat yang lalu. (2) Menurut Al-Kirmaani ma'na itu ialah *في جملة ما سلف*. Ertinya *نسبتكم إليهم كنسبة وقت العصر إلى تمام النهار*. Kesimpulan komentar al-Kirmaani itu ialah tempoh kehidupan kamu dibandingkan dengan tempoh (kehidupan) umat-umat yang lalu tidak lebih daripada waktu 'Ashar hingga berakhirnya waktu siang. Lebih kurang beginilah juga komentar Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini, al-Qasthallaani, as-Sindi dan lain-lain terhadap ibarat di atas. Al-'Aini bahkan mengemukakan satu hadits sahih yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar untuk menguatkan ma'na ini. Lafaz hadits itu selengkapnyanya ialah: *عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّمَا أَجَلُكُمْ فِي أَجَلٍ مِنْ خَلَا مِنْ الْأُمَمِ مَا بَيْنَ صَلَاةِ الْعَصْرِ إِلَى مَغْرِبِ الشَّمْسِ وَإِنَّمَا مَثَلُكُمْ وَمَثَلُ الْيَهُودِ وَالنَّصَارَى كَرَجُلٍ اسْتَعْمَلَ عَصَاً فَقَالَ مَنْ يَعْمَلْ لِي إِلَى نِصْفِ النَّهَارِ عَلَى فَيْرَاطٍ فِيرَاطُ فَعَمَلْتُ الْيَهُودُ إِلَى نِصْفِ النَّهَارِ عَلَى فَيْرَاطٍ فِيرَاطٌ ثُمَّ قَالَ مَنْ يَعْمَلْ لِي مِنْ نِصْفِ النَّهَارِ إِلَى صَلَاةِ الْعَصْرِ عَلَى فَيْرَاطٍ فَعَمَلْتُ النَّصَارَى مِنْ نِصْفِ النَّهَارِ إِلَى صَلَاةِ الْعَصْرِ عَلَى فَيْرَاطٍ فِيرَاطٌ ثُمَّ قَالَ مَنْ يَعْمَلْ لِي مِنْ صَلَاةِ الْعَصْرِ إِلَى مَغْرِبِ الشَّمْسِ عَلَى فَيْرَاطِينَ فِيرَاطِينَ أَلَا فَانْتُمْ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ مِنْ صَلَاةِ الْعَصْرِ إِلَى مَغْرِبِ الشَّمْسِ عَلَى فَيْرَاطِينَ فِيرَاطِينَ أَلَا لَكُمْ الْأَجْرُ مَرَّتَيْنِ فَغَضِبْتُ الْيَهُودَ وَالنَّصَارَى فَقَالُوا نَحْنُ أَكْثَرُ عَمَلًا وَأَقَلَّ عَطَاءُ قَالَ اللَّهُ هَلْ ظَلَمْتُكُمْ مِنْ حَقِّكُمْ شَيْئًا قَالُوا بَرْمَاكُود: Rasululllah s.a.w. bersabda: “Tempoh kehidupan kamu berbanding tempoh kehidupan umat-umat sebelummu adalah seperti tempoh di antara (waktu) sembahyang 'Ashar hingga terbenam matahari. Perbandingan kamu adalah seperti seorang lelaki yang mengupah beberapa orang pekerja. Katanya: “Siapakah yang hendak berkerja untukku hingga ke separuh siang dengan janji setiap orang pekerja akan mendapat satu-satu qiraath? Maka orang-orang Yahudi berkerja hingga ke separuh siang dengan mendapat upah satu-satu qiraath. Kemudian orang itu berkata pula, siapakah hendak berkerja untukku dari separuh siang (tengahari) hingga ke waktu sembahyang 'Ashar dengan janji setiap orang pekerja akan mendapat satu-satu qiraath? Orang-orang Nashara pun berkerja dari separuh siang (tengahari) hingga ke waktu sembahyang 'Ashar dengan mendapat upah satu-satu qiraath. Kemudian orang*

separuh siang.⁹⁸⁵ Kemudian berhenti.⁹⁸⁶ (Sebagai ganjaran) Mereka diberikan satu-satu qiraath.⁹⁸⁷ Ahli Injil diberikan Injil. Mereka beramal dengannya hingga ke waktu 'Ashar.

itu berkata pula: Siapakah yang hendak berkerja dari waktu sembahyang 'Ashar hingga terbenam matahari dengan janji setiap orang pekerja akan mendapat dua-dua qiraath. Kerananya marahlah orang-orang Yahudi dan Nashara. Kata mereka: "(Bagaimana) Kita berkerja lebih banyak, tetapi upah yang diberikan kepada kita lebih sedikit? Maka Allah bertanya: "Adakah Aku telah menzalimi (mengurangkan) apa-apa hakmu?" Jawab mereka: "Tidak." Kata Allah: "Itulah limpah kurniaKu. Aku berikannya kepada sesiapa saja yang aku kehendaki." (Hadits riwayat Bukhari, Ahmad, Tirmizi, Ibnu Hibbaan, at-Thabaraani, Abu Daud at-Thayaalisi dan lain-lain). Lihatlah, khususnya bahagian yang bergaris di bawahnya. Apa yang dapat disimpulkan daripada pemahaman mereka ialah: (i) Tempoh kewujudan umat Muhammad lebih pendek berbanding tempoh umat-umat yang lalu. (ii) Zaman umat Muhammad terletak paling akhir. (iii) Selepas zaman umat Muhammad tidak ada lagi zaman umat nabi yang lain. (iv) Selepas habis zaman umat Muhammad tidak ada lagi waktu siang. Seolah-olahnya selepas itu habislah riwayat dunia ini dan akan berlakulah kiamat. (v) Umur umat Muhammad lebih pendek berbanding umur umat-umat yang lalu. Kesimpulan (ii), (iii) dan (iv) memang benar dan ia disokong oleh sekian banyak dalil yang lain, tetapi kesimpulan (i) nampaknya tidak benar. Kesimpulan (v) juga tidak dapat dibuktikan berdasarkan fakta-fakta yang boleh dipercayai, khususnya tentang umur orang-orang di zaman Nabi 'Isa lebih panjang berbanding umur umat Muhammad s.a.w. (3) Ma'na ketiganya ialah "Sesungguhnya perbandingan kehidupan kamu (dalam mengamalkan syari'at yang diberikan kepada kamu) dengan kehidupan umat-umat yang lalu (dalam mengamalkan syari'at yang diberikan kepada mereka) adalah seperti di antara (waktu) sembahyang 'Ashar hingga terbenam matahari." Inilah ma'na ketiga bagi ibarat di atas. Jalaluddin as-Suyuthi di dalam Syarah Bukharinya yang bernama at-Tausyih berpendapat: "Perbandingan yang dibuat Nabi s.a.w. ini bukan untuk menyatakan panjang pendeknya umur atau zaman umat Muhammad. Ia sebenarnya untuk menyatakan peri pendek, sedikit dan ringannya bebanan yang ditanggungkan ke atas umat Muhammad berbanding umat-umat yang telah berlalu. Memang pun telah terbukti dengan jelas bahawa zaman umat Muhammad lebih panjang daripada zaman Ahlul Injil. Paling lama pun jarak masa di antara zaman Ahlul Injil dan zaman (kebangkitan) Muhammad adalah 600 tahun." Zaman Ahlul Injil itu kalau dikira bermula daripada kelahiran Nabi 'Isa sekalipun hingga umur nabi Muhammad s.a.w. 40 tahun, ketika Baginda dilantik sebagai utusan Allah, hanyalah 571 tahun sahaja. Inilah sebenarnya asas dan landasan penulis dalam menterjemahkan ibarat di atas tadi.

⁹⁸⁵ Sepintas lalu hadits 524 yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar ini bercanggah dengan hadits beliau yang penulis kemukakan di dalam nota 984 yang lalu. Hadits 524 ini juga sepintas lalu bercanggah dengan hadits Abu Musa selepasnya iaitu hadits 525. Di dalam hadits 524 ini tersebut, "Ahli Taurat diberikan Taurat. Mereka beramal dengannya hingga separuh siang." Sebagai ganjarannya mereka diberikan satu-satu qiraath." Hadits Ibnu 'Umar yang penulis kemukakan di dalam nota 984 tadi juga menampilkan perjanjian yang dibuat oleh pengupah dengan para pekerja untuk berkerja adalah hingga ke separuh siang. Dan upah yang dijanjikan juga adalah satu-satu qiraath. Sedangkan di dalam hadits Abu Musa perjanjian yang dibuat oleh pengupah dengan para pekerjanya adalah sehingga ke waktu malam. Cuma mereka sendiri saja tidak melakukan kerja hingga ke malam, sebaliknya telah berhenti di tengah hari. Jumlah upah tidak disebut langsung. Sebenarnya tidak ada sebarang percanggahan di antara ketiga-tiga hadits itu. Ia boleh dijama' dengan mudah saja. Cara penyelesaiannya ialah dengan mengatakan, pengupah sebenarnya menghendaki pekerja-pekerja yang sanggup berkerja hingga ke malam. Kalau para pekerja itu berkerja hingga ke malam, setiap orang daripada mereka akan mendapat dua qiraath. Kalau mereka berkerja sampai separuh jalan sahaja, mereka akan mendapat juga

Kemudian berhenti. (Sebagai ganjaran) Mereka diberikan satu-satu qiraath (juga). Kemudian diberikan al-Qur'an kepada kita. Kita beramal dengannya hingga matahari terbenam. Kerananya kita diberikan dua-dua qiraath (sebagai ganjaran). Maka bertanyalah kedua-dua Ahli al-Kitab itu: "Oh Tuhan! Kenapa Engkau berikan kepada mereka ini dua-dua qiraat dan Engkau berikan kepada kami (hanya) satu-satu qiraath,

upahnya, tetapi tidak penuh. Setiap orang daripada mereka hanya akan mendapat satu qiraath sahaja. Itulah yang berlaku kepada Ahli Taurat (Yahudi) dan Ahlul Injil (Nashara). Ahli Taurat melakukan kerja yang dikehendaki sampai tengah hari saja. Setelah mereka berhenti, kerja diteruskan oleh Ahlul Injil. Mereka juga pada asalnya dikehendaki berkerja hingga malam. Tetapi mereka juga seperti Ahli Taurat telah berhenti di tengah jalan. Mereka berhenti setakat waktu 'Ashar sahaja. Setelah itu kerja diteruskan pula oleh Ahlul Qur'an. Tempoh kerja mereka pendek saja. Dari waktu 'Ashar hingga ke malam (Maghrib) dengan perjanjian upah akan diberikan kepada setiap orang daripada mereka sebanyak dua qiraath. Andaikata Ahlul Qur'an berhenti di tengah jalan dan tidak terus berkerja hingga ke malam, mungkin sekali mereka juga seperti dua Ahli Kitab sebelumnya hanya berhak mendapat satu-satu qiraath sahaja. Oleh kerana mereka meneruskan kerja hingga ke malam, mereka berhak mendapat dua-dua qiraath seperti dijanjikan.

⁹⁸⁶ Penulis menterjemahkan perkataan عجزوا dengan berhenti kerana mengambil kira qaedah إطلاق السبب وإرادة المسبب (menyebut sebab tetapi yang dimaksudkan ialah musabbabnya). Itulah sebabnya al-Qasthallaani mentaqdirkan begini: عجزوا عن العمل أى انقطعوا. Ad-Dauudi mencetus kemusykilan dengan katanya: Kenapa Nabi s.a.w. menggunakan perkataan عجزوا di dalam hadits ini untuk kedua-dua Ahli al-Kitab? Kalau yang dimaksudkan oleh Baginda s.a.w. ialah orang-orang yang mati di kalangan mereka sebagai muslim, sewajarnya tidak dikatakan عجزوا untuk mereka, kerana ma'na asal عجزوا ialah lemah, tidak berdaya, tidak berupaya, tidak berjaya mendapat dan tidak mampu menyudahkan atau menyempurnakan kerja dengan baik. Justeru mereka bagaimanapun telah melakukan apa yang diperintah Allah dan rasulNya. Kalau yang dimaksudkan oleh Baginda s.a.w. di sini ialah orang-orang yang telah beriman kemudian menjadi kafir, maka bagaimana pula diberikan satu qiraath ganjaran kepada orang yang telah menjadi kafir? Beberapa jawapan telah diberikan untuk merungkai kemusykilan ini. Antara lainnya ialah: (1) Orang yang dikatakan عجزوا oleh Nabi s.a.w. itu ialah orang yang mati di kalangan mereka sebagai muslim (orang Islam). Dikatakan عجزوا kerana mereka tidak sempat berkerja hingga ke malam seperti dijanjikan. Walaupun telah berkerja juga sekadar yang ditaqdirkan Allah untuk mereka. (2) Mereka dikatakan عجزوا kerana tidak berjaya mendapat dua qiraath. Mereka hanya berjaya mendapat satu qiraath sahaja. (3) Orang yang sempat di kalangan mereka mendapat zaman kerasulan Muhammad s.a.w. dan beriman pula dengannya, ia mendapat pahala berganda atau dua qiraath juga seperti umat Muhammad s.a.w. Perkara ini dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Abu Musa al-Asy'ari, katanya: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَةٌ لَهُمْ أَجْرَانِ رَجُلٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ آمَنَ بِنَبِيِّهِ وَأَمَنَ بِمُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَالْعَبْدُ الْمَمْلُوكُ إِذَا أَدَّى حَقَّ اللَّهِ وَحَقَّ مَوْلَاهُ وَرَجُلٌ كَانَتْ عَنْدهُ أَمَةٌ يَطَاهَا بِمَاءٍ فَغَسَّهَا فَأَحْسَنَ تَأْدِيبَهَا وَعَلَّمَهَا فَأَحْسَنَ تَعْلِيمَهَا ثُمَّ أَغْتَقَهَا فَتَزَوَّجَهَا فَلَهُ أَجْرَانِ Bermaksud: "Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Tiga macam orang mendapat dua (kali ganda) pahala. (Pertama) Seseorang daripada Ahlil Kitab yang percaya kepada Nabinya dan percaya pula kepada Muhammad s.a.w. (Kedua) Hamba sahaya yang menunaikan hak Allah dan hak tuannya (dengan baik). (Ketiga) Seseorang yang memiliki hamba wanita yang dapat (halal) disetubuhinya. Dia mendidik dan mengajarkan (ilmu pengetahuan kepada) hamba wanita itu dengan sebaik-baiknya. Kemudian setelah memerdekakannya, dia mengahwininya. Orang ini (juga) mendapat dua (kali ganda) pahala." (Hadits riwayat Bukhari dan Muslim).

⁹⁸⁷ Maksudnya ialah setiap orang daripada mereka mendapat satu qiraath.

padahal kami berkerja lebih banyak lagi (daripada mereka)?”⁹⁸⁸ Kata nabi s.a.w.: (Maka) Allah ‘azza wa jalla pun bertanya: “Apakah Aku telah menzalimi (mengurangkan)

⁹⁸⁸ Di sinilah letaknya asas bagi terjemahan penulis tadi: “Sesungguhnya perbandingan kehidupan kamu (dalam mengamalkan syari‘at yang diberikan kepada kamu) dengan kehidupan umat-umat yang lalu (dalam mengamalkan syari‘at yang diberikan kepada mereka) adalah seperti di antara (waktu) sembahyang ‘Ashar hingga terbenam matahari.” Al-Imam Jalaluddin as-Suyuthi di dalam at-Tausyihnya menulis: “Dengan ini nyatalah bahawa perbandingan yang dibuat Nabi s.a.w. untuk orang-orang dahulu yang berkerja dari pagi hingga ke Zohor dan hingga ke ‘Ashar itu adalah daripada sudut banyaknya amalan-amalan, beratnya bebanan agama seperti dikira berdosa dan bersalah walaupun kerana tersalah atau terlupa dan lain-lain. Perbandingan yang dibuat Nabi s.a.w. untuk umat ini pula ialah orang-orang yang berkerja di antara waktu ‘Ashar dan Maghrib. Semua perbandingan ini bukan untuk menyatakan panjang pendeknya umur atau zaman umat Muhammad. Ia sebenarnya untuk menyatakan peri pendek, sedikit dan ringannya bebanan yang ditanggungkan ke atas mereka berbanding umat-umat yang telah berlalu. Memang pun telah terbukti dengan jelas bahawa zaman umat Muhammad lebih panjang daripada zaman Ahlul Injil. Paling lama pun jarak masa di antara zaman Ahlul Injil dan zaman (kebangkitan) Muhammad adalah 600 tahun.” Beliau (Jalaluddin as-Suyuthi) seterusnya menulis: “Panjang pendeknya zaman sesuatu syari‘at tidak memberi apa-apa kelebihan kepada masing-masing penganutnya. Kerana setiap orang akan diberikan ganjaran atau balasan hanya atas amalan-amalan yang dikerjakannya di sepanjang hayatnya sahaja. Sama ada tempoh agama (syari‘at) yang dianutinya itu panjang atau pendek. Semua umat sama saja dalam hal ini. Kesusahan dan kesukaran dunia hanya ditanggung oleh orang-orang yang masih hidup. Ia tiada kena mengena dengan orang yang telah mati, biar sepanjang mana sekalipun zaman syari‘at yang dianutinya.” **Hadits 524 ini juga** merupakan salah satu dalil yang dipegang oleh golongan Hanafiyyah tentang waktu ‘Ashar bermula apabila bayang sesuatu menjadi satu kali lebih panjang daripadanya. Ia jelas menunjukkan tempoh waktu ‘Ashar lebih pendek berbanding waktu Zohor. Jika anda berkata waktu ‘Ashar bermula apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, niscaya waktu ‘Ashar akan jadi lebih panjang daripada waktu Zohor atau lebih kurang sama panjang dengannya. Kalau begitu tidak ada lagi keistimewaan Ahli al-Qur‘an (umat Muhammad s.a.w.) berbanding Ahli Injil (umat Nashara). Kerana kerja dan tempoh kerja mereka lebih kurang sama saja. Kecualilah kalau anda mengatakan waktu ‘Ashar baru masuk apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya seperti kata Imam Abu Hanifah. Inilah alasan yang diberikan oleh Imam Muhammad bin al-Hasan asy-Syaibaani di dalam Muwattha‘nya untuk mewajarkan pendapat gurunya Abu Hanifah r.a. **Sabda Nabi s.a.w.:** “Maka bertanyalah kedua-dua Ahli al-Kitab itu: “Oh Tuhan! Kenapa Engkau berikan kepada mereka ini dua-dua qiraat dan Engkau berikan kepada kami (hanya) satu-satu qiraath, padahal kami berkerja lebih banyak lagi (daripada mereka)?” Jika pertanyaan ini timbul hanya daripada golongan Yahudi, senanglah diterima. Kerana tempoh yang bermula dari waktu Subuh hingga ke waktu Zohor itu jelas lebih panjang daripada tempoh dari waktu ‘Ashar hingga ke waktu Maghrib. Persolan timbul lantaran Nabi s.a.w. bersabda: Maka bertanyalah kedua-dua Ahli al-Kitab itu.” Maksudnya golongan Nashara juga turut bertanya. Al-Kirmaani berkata: *لكن قول النصارى لا يصح إلا على مذهب الحنفية حيث يقولون* Bermaksud: “Tetapi pertanyaan golongan Nashara itu tidak benar kecuali kalau mengikut mazhab Hanafi. Mereka berpendapat, waktu ‘Ashar bermula apabila bayang sesuatu menjadi sekali ganda lebih panjang daripadanya. Hadits ini merupakan salah satu dalil (yang selalu digunakan oleh Hanafiyyah untuk menyokong) mazhab mereka.” Al-Qasthallaani menambah sedikit saja lagi keterangan al-Kirmaani itu dengan berkata: *وأما على مذهب صاحبيه والشافعية بمصير الظل مثله فمشكل* Bermaksud: “Adapun kalau mengikut mazhab dua orang muridnya (Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hasan as-Syaibaani) dan

walaupun sedikit ganjaranmu?” Jawab mereka: “Tidak.” Kata Allah: “Itulah limpah kurniaKu. Aku berikannya kepada sesiapa saja yang aku kehendaki.”⁹⁸⁹

٥٢٥- حَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو أُسَامَةَ عَنْ بُرَيْدٍ عَنْ أَبِي بُرْدَةَ عَنْ أَبِي مُوسَى عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَثَلُ الْمُسْلِمِينَ وَالْيَهُودِ وَالنَّصَارَى كَمَثَلِ رَجُلٍ اسْتَأْجَرَ قَوْمًا يَعْمَلُونَ لَهُ عَمَلًا إِلَى اللَّيْلِ فَعَمِلُوا إِلَى نِصْفِ النَّهَارِ فَقَالُوا لَا حَاجَةَ لَنَا إِلَى أَجْرِكَ فَاسْتَأْجَرَ آخَرِينَ فَقَالَ أَكْمِلُوا بَقِيَّةَ يَوْمِكُمْ وَلَكُمْ الَّذِي شَرَطْتُ فَعَمِلُوا حَتَّى إِذَا كَانَ حِينَ صَلَاةِ الْعَصْرِ قَالُوا لَكَ مَا عَمَلْنَا فَاسْتَأْجَرَ قَوْمًا فَعَمِلُوا بَقِيَّةَ يَوْمِهِمْ حَتَّى غَابَتِ الشَّمْسُ وَاسْتَكْمَلُوا أَجْرَ الْفَرِيقَيْنِ

golongan Syafi'iyah yang mengatakan waktu 'Ashar bermula apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya, itu menimbulkan kemusykilan.” Al-Kirmaani, Hafiz Ibnu Hajar, al-Qasthallaani, Maulana Wahiduz Zaman dan lain-lain cuba menjawab kemusykilan itu. Kesimpulan jawapan mereka ialah: (1) Apa yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits ini ialah gabungan amalan kedua-dua golongan Yahudi dan Nashara, bukan tiap-tiap satu daripadanya. (2) Utk berlakunya amalan dengan lebih banyak, tidak mesti mengambil masa yang lebih lama dan lebih panjang. Seringkali berlaku, dalam tempoh yang singkat kerja dibuat lebih banyak daripada dalam tempoh yang panjang. (3) Tidak ada dalil menunjukkan waktu Zohor menjadi lebih pendek dari waktu 'Ashar atau menjadi sama panjang dengannya, jika dikatakan waktu 'Ashar bermula apabila bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya. 'Ulama' Hai'ah (ilmu Falak) malah menegaskan, dalam keadaan itupun waktu Zohor tetap lebih panjang dari waktu 'Ashar. (4) Jika diperhatikan dengan teliti dan cermat sebetulnya perbandingan yang dibuat oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits di atas tentang tempoh umatnya ialah di antara sembahyang 'Ashar hingga terbenam matahari, bukan di antara waktu 'Ashar hingga terbenam matahari. Kalau diandaikan sembahyang 'Ashar itu dikerjakan diawal waktunya, ketika bayang sesuatu menjadi sama panjang dengannya sekalipun, tetap juga ia mengambil sedikit masa. Kerana sebaik saja masuk waktu 'Ashar, yang mula-mula sekali dilakukan adalah azan. Kemudian berwudhu', berkumpul beramai-ramai untuk berjama'ah, bersembahyang sunat sebelum bersembahyang fardhu 'Ashar dan lain-lain. Dalam keadaan ini, waktu di antara selepas bersembahyang 'Ashar itu hingga terbenam matahari tentu sekali lebih pendek daripada waktu Zohor. (5) Apa yang disebut oleh Nabi s.a.w. ini hanya suatu perbandingan. Dalam sesuatu perbandingan tidak semestinya terdapat kesamaan dan keserupaan seratu peratus di antara مشابه (sesuatu yang dibandingkan dengan sesuatu yang dibandingkan dengannya). Apa lagi hukum-hakam agama tidak harus diambil daripada hadits-hadits perbandingan atau tamsilan, seperti kata Imamul Haramain. (6) Nabi s.a.w. menggunakan bahasa taghlib di sini. Walaupun Baginda s.a.w. telah menyebutkan kedua-dua Ahli Kitab bertanya, yang bertanya sebenarnya hanya Ahli Taurat sahaja. Penggunaan bahasa seperti ini dipanggil juga عموم أريد به الخصوص (lafaz umum yang tidak dimaksudkan umum, malah yang sebenar-benarnya dimaksudkan ialah khusus). (7) Maksud kata-kata golongan Nashara: “padahal kami berkerja lebih banyak lagi (daripada mereka)” ialah kerja atau amalan yang telah kami buat lebih berat dan lebih sukar daripada kerja atau amalan mereka. Ia tidak ada kena mengena dengan panjang atau pendeknya tempoh zaman mana-mana golongan. Itulah dia tujuh jawapan yang diberikan oleh pihak-pihak yang tidak bersetuju dengan pendapat Ahnaaf ('ulama'-'ulama' pendokong mazhab Imam Abu Hanifah).

⁹⁸⁹ Athraaf hadits ini dapat dilihat pada enam tempat yang lain. Pertama di bawah: باب الإجارة إلى . باب ما ذكر عن بني إسرائيل . Ketiga di bawah: باب فضل القرآن على سائر الكلام . Kelima di bawah: باب في المشيئة والإرادة . Dan keenam di bawah: باب قول الله تعالى قل فأتوا بالتوراة فاتلوها .

525- Abu Kuraib meriwayatkan kepada kami, katanya: Abu Usamah meriwayatkan kepada kami daripada Buraid daripada Abi Burdah daripada Abi Musa daripada Nabi s.a.w. (sabdanya): “Perbandingan orang-orang Islam, Yahudi dan Nashara adalah seperti seseorang yang mengupah satu kumpulan orang supaya mereka berkerja untuknya sehingga ke waktu malam.”⁹⁹⁰ Mereka pun berkerjalah sehingga separuh siang, selepas itu mereka berkata: “Kami tidak perlu kepada upahmu.” Maka lelaki tadi mengupah (pula) kumpulan yang lain.” Lelaki itu berkata: “Sempurnakanlah baki hari kamu. Kamu akan mendapat apa yang telah aku syaratkan (janjikan).” Mereka pun berkerja sehingga (ke waktu) sembahyang ‘Ashar. (Kemudian) Mereka berkata (kpdnya): “Ambillah upah kerja kami itu. (Kami tak mau!)”. Orang tadi mengupah (pula) kumpulan yang lain. Kumpulan

⁹⁹⁰ Apakah perbandingan yang terdapat di dalam hadits Abi Musa al-Asy’ari ini menggambarkan peristiwa yang sama dengan perbandingan yang terdapat di dalam hadits Ibnu ‘Umar sebelumnya, atau ia menggambarkan dua perbandingan yang berlainan? Para ‘ulama’ terbahagi kepada dua kumpulan dalam masalah ini. (1) Hafiz Ibnu Hajar, Jalaluddin as-Suyuthi dan orang-orang yang sependapat dengan mereka mengatakan, kedua-dua hadits itu mengandungi dua kisah dan dua perbandingan yang berlainan. Antara alasan mereka ialah siyaaq atau kandungan kedua-duanya berbeza. Kalau hadits Ibnu ‘Umar menyebutkan, Ahli Taurat dan Ahli Injil mendapat satu-satu qiraath atas amalan mereka yang tidak sampai ke penghujungnya, maka hadits Abu Musa menyebutkan, mereka tidak mendapat apa-apa kerana mereka tidak mahu mengambilnya. Hadits Ibnu ‘Umar menggambarkan peribadi Ahli Taurat dan Ahli Injil yang agak lembut, sedangkan hadits Abu Musa menggambarkan sikap mereka yang kasar dan biadab. Di dalam hadits Ibnu ‘Umar Nabi s.a.w. menggambarkan kegagalan Ahli Taurat dan Ahli Injil dengan kata Baginda s.a.w. عجزوا, satu perkataan yang agak lembut. Di dalam hadits Abu Musa pula mereka menyanggah pengupah sama ada dengan berkata: “Kami tidak perlu kepada upahmu.” Dengan nada kasar. Atau “Ambillah upah kerja kami itu. (Kami tak mau!)”. Dengan nada orang yang merajuk, marah atau memerli. Hadits Abu Musa seolah-olahnya menggambarkan dua qiraath yang diberikan kepada Ahli al-Qur’an kemudiannya itu adalah yang tidak diambil atau tidak diberikan kepada Ahli Taurat dan Ahli Injil. Sedangkan di dalam hadits Ibnu ‘Umar tidak ada bayangan dan gambaran seperti itu. (2) Ibnu Rusyaid, Maulana Zakariya dan orang-orang yang sependapat dengan mereka pula mengatakan, kedua-dua hadits Ibnu ‘Umar dan Abu Musa itu sebenarnya menggambarkan kisah atau perbandingan yang sama. Perbezaan yang terdapat di dalam kedua riwayat itu berpunca daripada tasharruf perawi dalam mengikhtisarkan hadits atau mentakmilkannya ataupun kerana hadits itu disampaikan oleh Nabi s.a.w. sebanyak dua kali sekurang-kurangnya. Ibnu ‘Umar meriwayatkan apa yang didengarinya daripada Nabi s.a.w. dan Abu Musa juga meriwayatkan apa yang didengarinya daripada Nabi s.a.w. Pada pendapat penulis, pendapat golongan kedua ini lebih tepat. Kemusykilan yang dikemukakan oleh ad-Dauudi akan terjawab dengan sendirinya apabila hadits Ibnu ‘Umar dan hadits Abu Musa kedua-dua sekali diletakkan di hadapan. Hadits Ibnu ‘Umar menggambarkan Ahli Taurat dan Ahli Injil yang ta’at dan muslim. Sementara hadits Abu Musa pula menggambarkan Ahli Taurat dan Ahli Injil yang ingkar dan kafir. Golongan pertama tetap mendapat upahnya, walaupun tidak penuh. Golongan kedua pula langsung tidak mendapat upah kerana kesombongan, kebongkakan dan kekufuran mereka.

ini terus berkerja sehingga terbenam matahari. Kerananya mereka mendapat dengan sempurna ganjaran kedua-dua kumpulan (yang telah berkerja sebelum itu).”⁹⁹¹

⁹⁹¹ Maulana Wahiduz Zaman di dalam Taisirul Baari Syarah Bukharinya menulis: “Hadits ini mengemukakan suatu perbandingan tentang orang-orang Yahudi, Nashara dan orang-orang Islam. Orang-orang Yahudi telah beriman kepada Musa a.s. dan mengikut ajaran Kitab Taurat. Selain tidak menerima Kitab Injil dan al-Qur’an sebagai kitab suci dari Allah, mereka juga tidak percaya kepada Nabi ‘Isa dan Nabi Muhammad s.a.w. sebagai utusan Allah. Orang-orang Nashara pula walaupun percaya kepada Kitab Injil dan Nabi ‘Isa a.s., namun mereka tidak percaya kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan tidak mahu menerima al-Qur’an yang dibawanya. Kerana itu segala usaha kedua golongan tersebut menjadi sia-sia saja. Kedua golongan Yahudi dan Nashara tidak mendapat pahala yang sepatutnya diperolehi mereka di akhirat nanti. Umat Muhammad datang paling akhir ke dunia dan berkerja sebentar sahaja. Tetapi mereka melakukan kerja dengan baik dan sempurna sebagaimana dijanjikan. Mereka percaya kepada semua kitab yang diturunkan dari langit dan nabi-nabi yang dilantik Allah sebagai utusanNya. Maka mereka berhak mendapat ganjaran yang penuh sebagaimana dijanjikan.” **Antara pengajaran, panduan dan** pedoman yang dapat diambil daripada hadits 524 dan 525 di atas ialah: (1) Nabi s.a.w. selalu juga menjadikan perbandingan dan tamsilan sebagai medium pengajarannya. (2) Memberi ganjaran kepada setiap pekerja atau setiap orang yang beramal adalah sunnatullah. (3) Pekerja yang tidak menepati syarat perjanjian untuk menyiapkan sesuatu pekerjaan dalam tempoh tertentu juga berhak menerima habuan selayaknya. (4) Pekerja yang menepati syarat perjanjian berhak mendapat sepenuhnya apa yang dijanjikan. (5) Hasil usaha manusia itu tidak sama. Ada yang berusaha dalam masa agak panjang dan lama, tetapi hasilnya tidak seberapa. Ada pula yang berkerja dalam masa yang singkat saja, tetapi hasil yang diperolehinya jauh lebih banyak dan lebih lumayan daripada golongan yang pertama tadi. Ada juga yang tidak mendapat apa-apa hasil daripada usaha dan penat lelahnya. Segala masa dan tenaga yang dicurahkan hilang dengan sia-sia saja. (6) Beradab dan bersopan dalam penggunaan bahasa. (7) Tidak salah bertanya seseorang tentang sebab bagi sesuatu tindakan yang diambilnya. (8) Keharusan mengemukakan alasan dalam pengadilan. (9) Ahli Taurat dan Ahli Injil adalah Ahlil Kitab. (10) Sikap sombong dan bongkak sering kali merugikan diri sendiri. (11) Allah s.w.t. bersifat adil. Dia tidak menzalimi sesiapa pun dari kalangan hamba-hambaNya. (12) Dengan limpah kurniaNya Allah juga ada melebihi seseorang daripada seseorang yang lain atau satu umat daripada satu umat yang lain. (13) Setiap umat terikat dengan amanah yang diserahkan Allah kepadanya. (14) Syari’at nabi-nabi sebelum Muhammad semuanya termansukh dengan syari’at yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. (15) Nabi-nabi dan rasul-rasul yang diutuskan Allah semuanya benar. Percaya kepada semua mereka adalah sebahagian daripada iman. Tidak percaya atau menolak salah seorang daripada mereka pula menyebabkan kekufuran. (16) Kelebihan umat Muhammad berbanding umat-umat yang lalu. Walaupun umur umat Muhammad tidak sepanjang umur umat-umat yang lalu dan tempoh kerja mereka pula tidak lama, namun ganjaran yang diterima mereka melebihi ganjaran yang diterima orang-orang lain. Itu semua berlaku dengan kehendak Allah dan limpah kurniaNya. (17) Kenyataan hingga ke hari ini membuktikan kebenaran perbandingan dan tamsilan yang dibuat Nabi s.a.w. di dalam dua hadits di atas. Orang-orang Yahudi dan Nashara hanya dapat bertahan hingga separuh jalan sahaja dalam membawa amanah Allah dan dalam mempartahankan agama yang dibawa nabi masing-masing. Ajaran paling asas seperti tauhid pun tidak dapat dipertahankan mereka. Berbeza dengan umat Muhammad s.a.w. kerana merekalah satu-satunya umat yang dapat mempertahankannya hingga ke hari ini dan in syaa’ Allah hingga ke hari kiamat seperti yang diisyaratkan oleh Baginda s.a.w. di dalam dua hadits ini. (18) Antara punca kelebihan umat Muhammad s.a.w. ialah kekuatan keyakinan dan kesungguhan mereka dalam menjaga prinsip-prinsip agama. Kalau ada pun di kalangan mereka yang

